

NO. SOALAN: 127

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DR. ONG KIAN MING [SERDANG]

TARIKH : 19 JUN 2014

RUJUKAN : 6926

SOALAN:

Dr. Ong Kian Ming [Serdang] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan perkembangan siasatan terkini kes pembunuhan Timbalan Ketua Pengarah Kastam, Datuk Shahrudin Ibrahim, yang ditembak mati di Putrajaya pada 26 April 2013.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Kes pembunuhan Timbalan Pengarah II, Jabatan Kastam, Datuk Shaharuddin Ibrahim berlaku pada 26 April 2013 jam 0815 hrs di susur keluar ke lampu isyarat, Lebu Wawasan, Jalan P7G, Presint 7, Putrajaya. Dalam kejadian tersebut, mangsa telah ditembak sebanyak 3 das oleh dua lelaki menaiki motosikal. Kes disiasat di bawah seksyen 302 Kanun Keseksaan. Pada bulan Jun 2013, pihak polis telah menangkap 2 suspek bagi membantu siasatan tapi tiada keterangan yang mencukupi untuk menuduh suspek tersebut. Siasatan terhadap kes ini masih diteruskan untuk mencari petunjuk baru.